

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENILAIAN KEBERKESANAN
SISTEM MURAJA'AH HAFAZAN
AL-QURAN DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA
TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB**

KHAIRUL AZAMI BIN SHAFIAI

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Oktober 2025

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneliti keberkesanan sistem muraja'ah hafazan al-Quran bagi pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Zon Utara. Tiga objektif utama ialah mengenal pasti sistem muraja'ah yang diaplikasikan oleh pelajar; mengenal pasti permasalahan dalam pelaksanaan sistem muraja'ah; dan menilai keberkesanan sistem tersebut terhadap tahap pencapaian hafazan pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan iaitu borang soal selidik berasaskan skala Likert lima mata yang merangkumi empat konstruk - kefahaman, penghayatan, persediaan, dan adab dalam muraja'ah. Seramai 148 orang pelajar Tahfiz TMUA telah dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan bertujuan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif melibatkan nilai min, sisihan piawai dan ujian inferensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar TMUA mengamalkan sistem muraja'ah yang positif dengan tahap pelaksanaan yang tinggi dalam semua aspek. Namun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan tertentu seperti penglibatan guru dalam sesi tasmik awal dan pengamalan penghayatan secara reflektif terhadap kandungan ayat. Dapatan menunjukkan bahawa keberkesanan sistem muraja'ah dipengaruhi oleh faktor guru, tahap khatam hafazan dan struktur bimbingan sekolah. Kajian ini mencadangkan satu modul muraja'ah berstruktur diperkenalkan di peringkat nasional, penyediaan latihan berkala kepada guru tahfiz serta pewujudan sistem pemantauan muraja'ah yang sistematik. Keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan bermakna dalam memahami dinamika muraja'ah.

Kata kunci: Muraja'ah, hafazan al-Quran, TMUA, pendidikan tahfiz, kefahaman, penghayatan, persediaan, adab

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarganya, para sahabat serta seluruh para muslimin dan muslimat. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan pemilik semesta alam, dengan limpah dan kurniaannya yang telah mengizinkan saya menyiapkan tugas dengan sebaik mungkin. Pelbagai ujian, dugaan dan cabaran ditempuhi dalam perjalanan untuk menyempurnakan kajian ini. Namun, atas dasar tanggungjawab dan amanah ilmu, segala cabaran dan dugaan sedaya upaya diharungi dengan doa agar diberikan kekuatan berterusan daripada Allah SWT.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Ahmad Rozaini Bin Ali Hasan, selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan, nasihat dan semangat yang berterusan. Setinggi tinggi ucapan terima kasih juga buat Dr Ahmad Firdaus Bin Mohd Noor selaku penyelia kedua saya yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga sehabis baik dalam membantu saya menyiapkan tesis kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan buat semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UITM cawangan Seri Iskandar yang telah banyak membantu dalam memudahkan pelbagai urusan saya berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.

Setulus kasih dan cinta buat isteri tersayang Nurun Asmahani Binti Mohamed Rashidi serta anak-anak yang sentiasa di sisi menjadi pembakar semangat buat diri ini untuk terus melangkah menghabiskan kajian ini. Ucapan terima kasih juga buat pihak Kementerian Pendidikan, pihak sekolah dan para responden yang banyak memudahkan urusan saya dalam menyiapkan penulisan kajian ini. Saya juga tidak lupa kepada ibu mertua saya Noraini Binti Kadir dan ayah mertua saya Rashidi Bin Shafie, adik beradik serta adik beradik ipar saya yang banyak membantu dan menyokong saya menyiapkan kajian ini. Saya juga bersyukur kerana dikelilingi sahabat-sahabat seperjuangan yang banyak membantu saya ketika susah dan senang semasa menyiapkan kajian ini. Juga kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah bertungkus lumus dalam membantu saya sama ada bantuan dari segi tenaga, idea, wang ringgit, masa dan yang tidak dapat saya nyatakan.

Dengan rendah dirinya dan hati yang tulus ikhlas saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan anda semua. Mohon untuk terus mendoakan agar saya terus istiqomah dan bersemangat untuk menyambung pengajian ke peringkat seterusnya kerana menuntut ilmu itu adalah sepanjang hayat dan bukan terhenti di majlis konvokesyen. Akhir kalam saya mendoakan anda semua yang membaca mendapat rahmat dan maghfirah oleh Allah SWT

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Definisi Operasional Kajian	13
1.8.1 Keberkesanan	13
1.8.2 Sistem	14
1.8.3 Muraja'ah	15
1.9 Kesimpulan	16
BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Sejarah Muraja'ah di Zaman Rasulullah	17
2.3 Sejarah Penubuhan Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)	22
2.3.1 SMKA Kerian (TMUA)	28

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pembelajaran tahfiz di Malaysia telah mengalami perkembangan pesat dan mendapat perhatian yang meluas di kalangan masyarakat. Ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan maahad tahfiz, baik yang beroperasi secara sepenuh masa ataupun separuh masa, di seluruh negara. Maahad tahfiz ini bukan sahaja memenuhi tuntutan ibu bapa yang ingin anak-anak mereka mendalami ilmu al-Quran tetapi juga memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang seimbang dari segi ilmu duniawi dan ukhrawi.

Kerajaan Malaysia turut memainkan peranan aktif dalam menginstitusikan pendidikan tahfiz melalui pengenalan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) pada tahun 2014. Langkah ini adalah sejajar dengan matlamat untuk mengintegrasikan pendidikan tahfiz ke dalam arus perdana sistem pendidikan negara. Pengambilan pelajar pertama untuk KBT dilaksanakan pada tahun 2014 di tiga buah sekolah terpilih, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kedah, dan Sekolah Menengah Agama (SMA) Persekutuan Bentong. Langkah ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan pendidikan tahfiz tidak hanya terpinggir tetapi diperkasakan dengan integrasi yang sistematik ke dalam kurikulum nasional.

Dalam konteks ini, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahfiz menjadi satu pencapaian signifikan sejak diperkenalkan sepuluh tahun yang lalu. Pencapaian pelajar tahfiz dalam peperiksaan SPM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan, mengatasi jangkauan dan membuktikan bahawa pendidikan tahfiz tidak menghalang kecemerlangan akademik, malah sebaliknya. Contoh yang paling menonjol ialah kejayaan SMKA Kerian Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang memperoleh Gred Purata Sekolah (GPS) 1.506 dan Maahad Tahfiz Negeri Pahang dengan GPS 1.07 pada tahun 2023. Kejayaan Maahad Tahfiz Negeri Pahang sebagai sekolah terbaik dalam SPM Malaysia bagi sesi 2023, mengalahkan sekolah-sekolah elit seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), adalah bukti kukuh bahawa pendidikan tahfiz mampu bersaing di peringkat tertinggi.